

DR. M. PENGARANG PEMBANGUNAN BANGSA HARI INI — ISMAIL HUSSEIN

MM 25 NOV 1984

MAHATHIR (P)

Mahathir

KUALA LUMPUR, 24 Nov. — Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Profcsor Datuk Ismail Hussein malam tadi mensifatkan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai "pengarang yang mencetuskan riak gelombang pertama ke arah kemuncak zaman pembangunan bangsa hari ini."

Katanya, "sckiranya ada seseorang pengarang atau sesebuah buku yang telah mencorak serta menggerakkan zaman, atau yang membciri jiwa kepada proses perubahan sosial yang cukup hebat di negara kita, maka buku itu tentulah naskhah "The Malay Dilemma."

Berucap di majlis penyampaian hadiah sastera remaja Esso-GAPENA dan hadiah cerpen di sini beliau menyebut Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai pengarang yang penulisannya 15 tahun dahulu telah menjadi

pengorak langkah kepada generasi masa kini untuk merubah suasana politik dan ekonomi negara.

"Bagi sesiapa yang sempat merenung di pekaran Kompleks Dayabumi dan melihat juga Kompleks Yayasan Islam yang sedang dibangunkan akan serta merta merasa dan memahani pandangan seorang tokoh serta pandangan satu zaman yang dicetuskan pada halaman-halaman Malay Dilemma 15 tahun dahulu," jelas beliau.

Profcsor Datuk Ismail juga menarik perhatian dengan berkata bahawa sehingga menjadi Perdana Menteri pun, pihak GAPENA dapat mengesan yang karangan Datuk Sri Dr. Mahathir masih tersebar melalui cerpen dan karangan.

Katanya: "Kami di GAPENA sekali-sekala ada mendapat laporan yang cerpen itu dan karangan ini

di bawah nama samaran tertentu dikarang oleh Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi oleh sebab itu rahsia tidaklah mungkin dapat saya mengesahkannya dan tak usahlah saya pecahkan rahsia negara di majlis ini."

Beliau juga mclahirkan hasrat GAPENA untuk berusaha mengumpul dan mencbitkan semula ratusan karangan serta wawancara dan surat-surat di akhbar serta majalah dari pena Datuk Sri Dr. Mahathir.

Jelasnya, semua karangan itu tentulah menjadi dokumen yang maha penting

untuk melihat perkembangan intelektual dan pandangan hidup seorang tokoh yang mencorakkan arah perkembangan negara dan dunia.

Tambahnya lagi pihak GAPENA juga memandang tinggi di atas kehadiran Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah di majlis ini kerana sumbangan serta peranan pengarang wanita dalam kehidupan kesusasteraan kebangsaan serta perihai pentingnya pembinaan sastera untuk kanak-kanak.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Pengerusi Esso, Encik Gerald F. Cox kerana dengan sumbangan dan kerjasama yang lahir dari tahun 1979 hingga ke hari ini dengan GAPENA, telah membantu dari segi kewangan untuk meransang semangat penulisan di kalangan anak-anak muda.

Esso juga telah menyumbangkan sebanyak \$50,000 kepada GAPENA untuk program masa depannya.

Dalam majlis tersebut, boleh dikatakan semua penulis dari berbagai media hadir.